

Pertemuan buka dimensi baharu

BH- 27/8/2021 m/s: 3

PM bertemu pemimpin utama pembangkang mampu ubah landskap politik

Oleh Saiful Haizan Hasam, Zanariah Abd Mutalib, Ilah Hafiz Aziz dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan pemimpin utama parti pembangkang kelmarin disifatkan langkah awal ke arah politik dimensi baharu berasaskan persefahaman pada masa hadapan.

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Pahang yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata beliau telah mula membincangkan mengenai politik baharu sejak 2006 menerusi buku diterbitkannya berjudul

Politik Baharu.

“Ia adalah idea yang masih menunggu pelaksanaan. Sudah tentu saya memahami dinamik politik sebenar, tetapi saya masih perlu teruskan idea ini,” katanya menerusi hantaran Twitter, semalam.

Kelmarin, Ismail Sabri mengadakan pertemuan dengan Presiden PKR yang juga Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden Parti Amanah Negara, Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, antaranya tertumpu pada agenda kepentingan rakyat dan mencari titik persamaan terbaik menangani COVID-19.

Saifuddin berkata, buku berkenaan mengandungi dua bahagian utama dengan bahagian pertama menghuraikan mengenai keperluan meninggalkan amalan politik lama yang negatif seperti politik ampu, politik fitnah dan politik undi.

Bahagian kedua pula mengenai perubahan politik negara ke tahap lebih tinggi dan meninggalkan perbezaan politik yang terlalu ‘adversarial’ atau tajam seperti lawan politik dijadikan mu-

“Saya menyarankan amalan ‘kerangka governans baharu’ iaitu perundingan atas semangat rakan pembangunan antara tiga sektor utama pembangunan”

Saifuddin Abdullah,
Pengerusi Perikatan Nasional (PN)
Pahang



suh ketat.

“Saya menyarankan amalan ‘kerangka governans baharu’ iaitu perundingan atas semangat rakan pembangunan antara tiga sektor utama pembangunan iaitu kerajaan, perniagaan dan masyarakat sivil. Dalam konteks ini, pertemuan yang dianjurkan perdana menteri semalam (kelmarin) ada-

lah amat signifikan,” katanya.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dalam satu kenyataan, berkata parti itu berharap budaya politik matang yang mengutamakan kesejahteraan negara, akan menjadi dimensi baharu membentuk sikap, pemikiran dan tindakan ahli politik.

“Pemimpin politik perlu jadi teladan kepada rakyat. Justeru, pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin pembangkang adalah seiring titah nasihat Yang di-Pertuan Agong supaya ahli Dewan Rakyat mengetepikan agenda politik dan bersatu hati menangani COVID-19.

Setiausaha Organisasi DAP Kebangsaan, Anthony Loke, pula menyifatkan pertemuan Ismail Sabri dan pemimpin pembangkang kelmarin mampu mengubah landskap serta budaya politik tanah air berasaskan persefahaman pada masa hadapan.

“Persefahaman itu mampu dijayakan jika disusuli langkah kukuh untuk membawa pembaharuan. Sudah tiba masa semua pihak merealisasikan pertemuan di antara Perdana Menteri de-

ngan pemimpin pembangkang semalam (kelmarin), sebagai langkah mewujudkan persefahaman yang baik di antara kedua-dua pihak.

“Saya yakin pertemuan empat pemimpin utama itu berpotensi mengubah landskap dan budaya politik tanah air, sekiranya dapat disusuli dengan langkah konkrit untuk membawa pembaharuan dalam tatakelola pentadbiran kerajaan, selain memperkasa institusi Parlimen,” katanya sambil menyifatkan pertemuan terbabit sebagai peristiwa bersejarah dalam politik Malaysia.

Beliau berkata, ruang yang cukup besar harus diberikan kepada usaha mewujudkan persefahaman yang akan memberi impak positif jangka panjang kepada kepentingan negara.

“Paradigma lama parti kerajaan melihat parti pembangkang sebagai musuh politik semata-mata atau sebaliknya, perlu diubah. Kedua-dua pihak mempunyai peranan masing-masing dan perlu ada kerjasama walaupun kami tetap akan berlawan dalam pilihan raya,” katanya.